

3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
Mei
2009



$\frac{1}{4}$ jam

JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU
PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN (OTI 1)
SPM 2009

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
 2. Jawab **semua** soalan.
 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.
 4. Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.
-

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063


Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

- 1 Simpan kira berbeza dengan perakaunan kerana simpan kira
 - A hanya melibatkan proses merekod sahaja.
 - B melibatkan proses merancang dan mentafsir maklumat.
 - C hanya digunakan di dalam perniagaan kecil-kecilan.
 - D mencari untung bersih dan menentukan kedudukan kewangan sesebuah perniagaan.

- 2 Sebuah perniagaan ingin menukar kaedah peruntukan susut nilai daripada kaedah garis lurus kepada kaedah baki berkurangan. Apakah konsep perakaunan yang tidak dipatuhi?
 - A Pemandanan
 - B Ketekalan
 - C Materialiti
 - D Kos sejarah

- 3 Antara berikut, manakah menerangkan ciri syarikat sendirian berhad ?
 - A Saham disenaraikan di bursa saham.
 - B Saham boleh dipindah milik dengan bebas.
 - C Penyata kewangan perlu dibentangkan kepada orang awam.
 - D Bilangan pemegang saham terdiri di antara 2 hingga 50 orang ahli.

Rajah 1 menunjukkan kitaran perakaunan



Rajah 1

4 Berdasarkan rajah 1, nyatakan butiran Z.

- A Lejar
- B Dokumen perniagaan
- C Penyata kewangan
- D Lembaran kerja

Cik Sumizah adalah pemilik Pusat Tuisyen Pintar. Beliau membawa masuk 10 buah kerusi bernilai RM250 dari rumahnya untuk kegunaan perniagaan.

5 Apakah kesan urus niaga di atas terhadap aset, liabiliti dan ekuiti pemilik?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Perabot bertambah RM250	-	Modal bertambah RM250
B	Perabot bertambah RM250	Pemiutang bertambah RM250	-
C	Perabot bertambah RM250	-	Ambilan bertambah RM250
D	Perabot bertambah RM250, Bank berkurang RM250	-	-

6 Berdasarkan jadual 1, manakah pasangan jawapan yang betul?

	Aset	Liabiliti
I	Komisen diterima terdahulu	Pemiutang
II	Simpanan Tetap	Gadai janji
III	Insurans terdahulu	Gaji terakru
IV	Penghutang	Overdraf bank

Jadual 1

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- 7 Encik Fazrul Sadhli telah memberitahu pembekal bahawa jumlah dalam invoice yang diterimanya telah terlebih caj.


Dokumen apakah yang perlu dihantar oleh pembekal tersebut kepada Encik Fazrul Sadhli?

- A Memo
- B Invois
- C Nota debit
- D Nota kredit

ASAL	No. 8228		
<p>SINAR CAHAYA SDN. BHD. 545 Jalan Pelita 86000 Kluang Johor Tel : 07-7892848</p>			
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block;">INVOIS</div>			
<p>Kepada Tenaga Suria Enterprise 594 Jalan Azam Taman Sri Lambak 86000 Kluang Johor</p>			
<p>Tarikh : 5 Jun 2008</p>			
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
100 unit	Lampu siling bulat LS0788	30.00	3 000.00
50 unit	Lampu meja LM2345	60.00	3 000.00
25 unit	Lampu pagar LP0986	90.00	2 250.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%		8 250.00
	JUMLAH		6 600.00
<p>(Ringgit : Enam ribu enam ratus sahaja)</p>			
<p>Syarat : 10% 5 hari ; 5% 10 hari Serahan : Angkutan dibayar K. & K.diK.</p>			
<p><i>Azura</i> (Penerima)</p>		<p><i>Mohd Izwan</i> (Pengurus)</p>	

Dokumen 1

- 8 Berapakah jumlah yang diskaun yang diterima oleh Tenaga Suria Enterprise sekiranya pembayaran dibuat pada 11 Jun 2008?
- A RM330.00
 - B RM412.50
 - C RM660.00
 - D RM825.00
- 9 Pilih pernyataan yang benar mengenai dokumen perniagaan.
- I Dokumen adalah sumber maklumat mengenai urus niaga yang berlaku.
 - II Dokumen merupakan buku untuk mencatat urus niaga yang berlaku.
 - III Dokumen perlu diperiksa dan ditafsir sebelum dicatat dalam buku catatan pertama.
 - IV Dokumen menjadi teras kepada catatan rekod perniagaan.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV



Rajah 2

10 Berdasarkan rajah 2, P dan Q ialah

	P	Q
A	Memo	Jurnal Am
B	Invois	Jurnal Belian
C	Invois	Buku Tunai
D	Nota Debit	Jurnal Pulangan Belian

Soalan 11 dan 12 berdasarkan dokumen di bawah bagi Kedai Mutiara.

Kedai Runcit Mutiara			
ASAL		6 Jalan Kenanga	No.: 123
		Kuala Terengganu	
Kepada		INVOIS	
Rizal bin Khairul		Tarikh: 2 Mei 2008	
8 Jalan Chendering			
Kuala Terengganu			
Kuantiti	Butir	Harga Seunit RM	Jumlah RM
10 unit	Susu tepung A1	9.00	90.00
20 unit	Beras cap Ayam	15.00	300.00
			390.00
Tolak: <i>Diskaun niaga 10%</i>			39.00
Jumlah			351.00
(Ringgit: Tiga ratus lima puluh satu sahaja)			
Syarat: 5% 14 hari, 3% 30 hari			
K. & K.Di K.		Tiara Pengurus	

Dokumen 2

- 11 Semua pernyataan berikut adalah benar bagi dokumen 1 kecuali
- A Rizal bin Khairul yang menerima invois asal.
 - B Kedai Runcit Mutiara yang menyimpan invois salinan.
 - C Syarat 5% 14 hari dan 3% 30 hari merupakan diskaun tunai.
 - D Sebarang kesilapan dan ketinggalan dalam invois hanya boleh dibetulkan oleh Rizal bin Khairul sahaja.

- 12 Berapakah jumlah yang perlu dibayar oleh Rizal bin Khairul kepada Kedai Runcit Mutiara sekiranya dia menjelaskan hutang pada 12 Mei 2008?
- A RM333.45
 - B RM351.00
 - C RM340.47
 - D RM334.35
- 13 Apakah tujuan Nota Kredit dikeluarkan oleh pembekal?
- A Mengurangkan jumlah pada invoice.
 - B Menambahkan jumlah pada invoice.
 - C Mengenakan caj tambahan.
 - D Menunjukkan jumlah hutang pembeli.
- 14 Antara urusan niaga berikut, yang manakah dicatatkan dalam Jurnal Am?
- I Baki akaun penghutang dihapuskan sebagai hutang lapuk.
 - II Mengambil tunai perniagaan untuk didermakan kepada anak yatim.
 - III Mengambil wang tunai peribadi untuk membayar sewa kedai.
 - IV Mengambil wang tunai dari bank untuk menjelaskan hutang kepada pemiutang.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 15 Di ruangan manakah stok akhir direkod dalam Lembaran Kerja?
- A Di debit ruangan Pelarasan dan di kredit ruangan Imbangan Duga Terlaras.
 - B Di debit ruangan Imbangan Duga Terlaras dan di kredit ruangan Pelarasan.
 - C Di debit ruangan Perdagangan dan Untung Rugi dan di kredit ruangan Kunci Kira-kira.
 - D Di kredit ruangan Perdagangan dan Untung Rugi dan di debit ruangan Kunci Kira-kira.

- 16 Pada 1 Julai 2007 Wan Trading telah membeli sebuah kenderaan bernilai RM80 000. Kenderaan disusut nilai 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Berapakah susut nilai terkumpul pada 31 Disember 2008.
- A RM16 000
 - B RM15 200
 - C RM11 600
 - D RM7 600

- 17 Butir-butir berikut telah dipetik daripada buku Perniagaan Dasri:

Tahun	Penghutang
2007	RM6 000
2008	RM4 600

Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember. Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas penghutang. Berapakah peruntukan hutang ragu dicatat dalam Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2008?

- A RM28
 - B RM92
 - C RM120
 - D RM212
- 18 Imbangan Duga berikut diambil dari buku Perniagaan Chah pada 31 Disember 2008:

Perniagaan Chah

Imbangan Duga pada 31 Disember 2008

	Butir	Dt. RM	Kt RM
I	Jualan		67 800
II	Pulangan masuk		300
III	Gaji		1 200
IV	Alat tulis	56	

Akaun manakah bakinya dicatat dengan betul?

- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV
- 19 Pada 31 Mac 2009, Perkongsian FSI telah memperoleh untung bersih sebanyak RM3 800. Berapakah jumlah untung bersih yang baru jika perkongsian menerima komisen RM320 dan memberi diskaun sebanyak RM250.
- A Untung bersih RM3 230
 - B Untung bersih RM3 730
 - C Untung bersih RM3 870
 - D Untung bersih RM4 370
- 20 Pemilik Kedai Siti telah mengambil sebahagian daripada alatan kedai RM350 untuk kegunaan di rumahnya. Yang manakah catatan bergu yang betul?
- A Debit Akaun Ambilan, Kredit Akaun Alatan Kedai
 - B Debit Akaun Alatan Kedai, Kredit Akaun Ambilan
 - C Debit Akaun Alatan Kedai, Kredit Akaun Kedai Siti
 - D Debit Akaun Kedai Siti, Kredit Akaun Alatan Kedai

Soalan 21 dan 22 adalah berdasarkan maklumat berikut:

Petikan Lembaran Kerja

<i>Butiran</i>	<i>Imbangan Duga</i>		<i>Pelarasan</i>		<i>Imbangan Duga Terlaras</i>	
	<i>Debit</i>	<i>Kredit</i>	<i>Debit</i>	<i>Kredit</i>	<i>Debit</i>	<i>Kredit</i>
Sewa		2 600	200			

- 21 Akaun Sewa didebitkan dalam lajur Pelarasan kerana
- A Sewa dibayar
 - B Sewa diterima
 - C Sewa terdahulu
 - D Sewa terakru
- 22 Dalam lajur Imbangan Duga Terlaras, nilai sewa ialah dan dicatat di sebelah
- A RM2 400; debit
 - B RM2 400; kredit
 - C RM2 800 ; debit
 - D RM2 800 ; kredit

23

Pada awal bulan, Juruwang Runcit membuat tuntutan balik sejumlah wang yang bersamaan dengan jumlah perbelanjaan pada bulan lepas daripada Ketua Juruwang. Wang ini digunakan untuk perbelanjaan dalam bulan tersebut.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Sistem Buku Tunai Runcit
 - B Sistem Aliran Tunai Runcit
 - C Sistem Panjar
 - D Sistem Catatan Bergu
- 24 Buku Tunai Runcit menunjukkan baki RM65 dan cek bayaran balik daripada Ketua Juruwang sebanyak RM185. Hitungkan berapakah jumlah panjar ?
- A RM65
 - B RM120
 - C RM185
 - D RM250

- 25 Nusaibah selaku kerani kewangan Perniagaan Qanitah telah menerima bil-bil urusniaga seperti berikut dan telah merekodkannya ke dalam Buku Tunai Runcit **KECUALI**.
- A Beli setem sebanyak RM18.
 B Beli alat tulis sebanyak RM15.
 C Beli dakwat komputer RM65.
 D Beli perabot kedai sebanyak RM250.
- 26 Antara yang berikut manakah **BENAR** mengenai Buku Tunai Runcit
- I Merupakan buku catatan pertama.
 II Menggunakan Sistem Panjar.
 III Merekod penerimaan dan pembayaran secara tunai.
 IV Penggunaan wang dapat dikawal setiap masa.
- A I, II dan III
 B II, III dan IV
 C I, II dan IV
 D I, III dan IV
- 27 Arisyah adalah rakan kongsi di dalam satu perkongsian. Beliau menerima gaji tahunan sebanyak RM5 000. Pada pertengahan tahun, beliau telah dibayar gaji sebanyak RM3 000. Antara catatan berikut, yang manakah merujuk kepada pernyataan di atas?

	Debit	RM	Kredit	RM
A	Akaun Pengasingan Untung Rugi	2 000	Akaun Semasa Arisyah	3 000
B	Akaun Pengasingan Untung Rugi	5 000	Akaun Semasa Arisyah	2 000
C	Akaun Pengasingan Untung Rugi	5 000	Akaun Modal Arisyah	3 000
D	Akaun Pengasingan Untung Rugi	3 000	Akaun Modal Arisyah	2 000

- 28 Antara butir berikut, yang manakah dicatatkan di sebelah kredit Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi perniagaan perkongsian?
- A Faedah atas ambilan
 - B Faedah atas pinjaman
 - C Faedah atas modal
 - D Gaji pekongsi
- 29 Tujuan penyediaan Akaun Realisasi adalah untuk
- A menentukan untung atau rugi perkongsian.
 - B menentukan akaun modal pekongsi.
 - C menentukan untung atau rugi atas pembubaran.
 - D pembahagian tunai kepada pekongsi.
- 30 Perkongsian mungkin dibubarkan atas sebab-sebab berikut:
- I Salah seorang pekongsi telah jatuh sakit.
 - II Semua pekongsi bersetuju perkongsian dibubarkan.
 - III Salah seorang pekongsi telah berhenti kerja dari perkongsiannya.
 - IV Mahkamah telah memutuskan perkongsian mesti dibubarkan.
- A I dan III
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D II dan IV
- 31 Pada tarikh pembubaran baki kredit Akaun Modal Yusof ialah RM5 200, rugi realisasi yang ditanggungnya ialah RM2 800. Berapakah nilai Akaun Modal Yusuf?
- A RM2 400
 - B RM2 800
 - C RM5 200
 - D RM8 000

- 32 Apabila berlaku pembubaran perkongsian, akaun-akaun berikut perlu disediakan:
- I Akaun Bank
 - II Akaun Realisasi
 - III Akaun Modal Pekongsi
 - IV Akaun Pengasingan Untung Rugi
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV
- 33 Perkongsian Ummi & Anak-anak ingin membubarkan perniagaannya. Semasa pembubaran, apakah tindakan yang boleh dilakukan ke atas aset-aset perniagaan?
- I Pekongsi mengambil alih aset
 - II Menjual aset
 - III Menyusut nilai aset
 - IV Mengutip hutang
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV
- 34 Pekongsi Rusdan mengambil alih kenderaan perniagaan berkos RM23 400 dengan harga RM20 800. Pengambilan ini direkod ke dalam akaun-akaun yang berkaitan. Akaun Realisasi yang manakah dicatat dengan betul?

A

Akaun Realisasi	
	RM
Kenderaan	23 400

B	Akaun Realisasi	
		RM
	Kenderaan	20 800
C	Akaun Realisasi	
		RM
	Modal Rusdan	23 400
D	Akaun Realisasi	
		RM
	Modal Rusdan	20 800

35 Yasmin merupakan rakan kongsi dalam Perniagaan Cahaya Sinar. Akaun Semasanya menunjukkan berbaki debit. Mengapakah Akaun Semasa Yasmin berbaki debit?

- I Kongsi untung telah direkod ke Akaun Semasa Yasmin.
- II Faedah atas ambilan telah direkodkan ke Akaun Semasa Yasmin.
- III Yasmin membuat ambilan yang banyak.
- IV Perkongsian membayar faedah atas modal kepada Yasmin.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36 Syarikat berhad merupakan sebuah perniagaan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Berikut manakah ciri yang benar mengenai syarikat berhad:

- A Kematian atau penarikan diri salah seorang pemegang saham menyebabkan syarikat perlu dibubarkan.
- B Syarikat sebagai entiti berasingan dari segi perundangan, tidak boleh didakwa dan mendakwa, membuat kontrak serta memiliki dan menjual aset atas namanya.
- C Pemegang saham sebagai pemilik syarikat, mempunyai hak untuk mengawal operasi harian syarikat secara langsung.
- D Pengurusan syarikat adalah di bawah lembaga pengarah yang akan membentuk polisi syarikat dan kakitangan untuk mengurus perjalanan syarikat.

- 37 Tatawujud dan tataurusan adalah antara dokumen penting yang perlu disediakan dalam proses penubuhan syarikat berhad. Antara maklumat yang terkandung dalam tatawujud syarikat adalah berkaitan
- I modal yang dibenarkan.
 - II cara pembayaran dividen.
 - III jenis perniagaan yang dijalankan.
 - IV kenyataan liabiliti ahli-ahli adalah terhad.
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 38 Apakah dokumen yang digunakan oleh syarikat awam berhad untuk menghebahkan penerbitan sahamnya kepada awam?
- A Sijil Penubuhan
 - B Prospektus
 - C Tatawujud
 - D Tataurusan
- 39 Keuntungan syarikat diagihkan kepada pemegang saham dalam bentuk dividen. Dividen interim merupakan
- A dividen yang dibayar sebelum keuntungan syarikat dikira pada akhir tahun.
 - B dividen yang dibayar selepas keuntungan syarikat dikira pada akhir tahun.
 - C dividen yang dibayar pada akhir tahun berdasarkan keuntungan syarikat pada tahun hadapan.
 - D dividen yang dibayar pada akhir tahun berdasarkan keuntungan syarikat pada tahun lepas.

- 40 Syarikat Muaz Berhad memulakan pemiagaan dengan Modal Dibenarkan terdiri daripada 1 000 000 unit 8% Saham Keutamaan bernilai RM1 seunit dan 2 000 000 unit Saham Biasa bernilai RM0.50 seunit.

Syarikat telah menerbitkan 300 000 unit 8% Saham Keutamaan dan 500 000 unit Saham Biasa pada nilai tara kepada orang ramai. Semua saham yang diterbitkan telah dipohon beli dan dibayar penuh semasa pemohonan.

Berapakah Modal Belum Diterbitkan bagi Saham Keutamaan?

- A RM2 000 000
- B RM1 000 000
- C RM700 000
- D RM300 000

KERTAS SOALAN TAMAT